

01/07/2000

Utamakan keperluan pekerjaan

ERA persejagatan menghadirkan cabaran yang berbeza. Buat pelajar, tuntutannya ialah untuk melengkapkan diri dengan ilmu dan kemahiran yang bertepatan, sejajar dengan perkembangan Era Maklumat bagi membolehkan mereka kekal bersaing.

Namun, kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin bahawa tidak ramai pelajar mengikuti pengajian dalam teknologi maklumat (IT) dan sektor teknikal, seperti kejuruteraan, elektronik dan elektrik yang amat diperlukan dalam era globalisasi serta ekonomi berasaskan pengetahuan (k-ekonomi), harus menuntut perhatian. Seperti yang ditegaskan Perdana Menteri, pelajar perlu mengambil kira keperluan terhadap pekerjaan serta kecekapan yang boleh menyumbang kepada pembangunan negara.

Kini, ada 11 institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan tujuh institusi pengajian tinggi swasta (IPTS), termasuk Unitar, Universiti Teknologi Petronas, Universiti Telekom, Universiti Multimedia, Unisel, Uniten dan Universiti Perubatan Antarabangsa (IMU) selain lebih 500 kolej swasta di seluruh negara yang kebanyakannya menawarkan kursus dalam bidang IT, elektronik dan elektrik. Bagi tahun ini saja, sebanyak 62,813 tempat ditawarkan oleh IPTA untuk lepasan SPM, SPMV dan STPM, termasuk 12,000 tempat untuk program matrikulasi. Di kolej swasta pula, dianggarkan lebih 270,000 pelajar mengikuti pengajian dari peringkat sijil hingga ijazah.

Dalam pada itu, masih ramai pelajar memilih jurusan yang tidak sesuai dengan keperluan pekerjaan. Kita percaya ia berlaku kerana dua sebab. Pertama, terlalu ramai pelajar memilih sesuatu kursus tertentu yang popular hingga memaksa IPT menetapkan kursus lain buat mereka. Kedua, ramai yang masih keliru dalam menentukan pilihan masing-masing mengikut kelayakan minimum yang disyaratkan. Langkah ini boleh diatasi jika IPT menganjurkan lebih banyak taklimat membimbing pelajar, termasuk di sekolah, bagi memilih kursus yang sesuai dengan keperluan negara. Pada masa yang sama, IPT juga boleh memainkan peranannya dengan menawarkan lebih banyak tempat bagi kursus yang lebih relevan buat pelajar menangani pelbagai cabaran mendatang. Secara tidak langsung, masalah siswazah menganggur juga akan dapat dikurangkan.

(END)